

# DR KAMARIAH TKP MARDI

Penerima  
61 anugerah  
inovasi

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

**Institut** Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengumumkan pelantikan Timbalan Ketua Pengarahnya yang baru bagi menggantikan Datuk Dr Umi Kalsom Abu Bakar yang menamatkan perkhidmatan 2 Julai lalu.

Dr Kamariah Long, 58, sebelum ini menyandang jawatan Timbalan Pengarah Program Pembangunan Teknoprenuer, Pusat Perkhidmatan Teknikal dan Pengkomersialan Teknologi MARDI dinaikkan pangkat sebagai timbalan ketua pengarah berkuat kuasa 30 Ogos lalu.

Beliau yang berasal dari Johor Bahru berkelulusan

doktor falsafah dalam Teknologi Enzim, Fakulti Bioteknologi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Westminster, London (1997).

Berpengalaman luas dalam bidang Bioteknologi dan dianugerahkan 61 anugerah inovasi pertanian sepanjang perkhidmatannya.

Dr Kamariah yang berkhidmat selama 33 tahun di MARDI antara saintis wanita dalam menyumbang pelbagai kajian berkaitan kelapa dan bioteknologi pertanian negara.

Sebanyak 11 produk baru yang dihasilkan beliau telah difailkan untuk mendapatkan hak Cipta (IP). Sebagai penyelidik, beliau berjaya menerbitkan sebanyak 99 penerbitan berkaitan penyelidikan.



DR Kamariah.

Antara anugerah yang pernah diperolehi sepanjang perkhidmatan beliau ialah Women Inventor of The Year oleh International Federation Inventors Association (2006), Excellent Scientist Award MARDI (2006), Excellent

service Award MARDI (1992, 2003, 2006) dan Top Research scientist oleh Akademi Sains Malaysia (2012).

Produk penyelidikan yang dihasilkan dan didaftarkan untuk mendapatkan IP seperti

minyak kelapa dara tambah nilai, minyak berkalori rendah berasaskan minyak sawit, minyak olien tiada keladak, tempe kacang hijau pelbagai fungsi dan yogurt bukan tenusu.